

# Aishah kesal seolah2 orang tua tiada hak di dalam masyarakat

**KUALA LUMPUR, Sabtu** Banyak kegiatan belia seperti yang ditonjolkan melalui media massa seolah-olah menunjukkan golongan tua tidak mempunyai hak dalam masyarakat.

Anggapan begini adalah salah, kata Menteri Kebajikan Am, Datin Paduka Aishah Ghani, ketika merasmikan forum Masyarakat Tua dan Yang Menjelang Tua, di Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.

Beliau seterusnya menegaskan bahawa sumbangan seseorang kepada masyarakat tidak diukur dari segi umurnya.

## Pengalaman

"Tidak adil dan tidak bijak kita memutuskan bahawa setelah mencapai sesuatu tingkat dalam hidup seseorang, maka ia harus berundur diri dari bergiat cergas dalam masyarakat," katanya.

Datin Paduka Aishah seterusnya menyatakan bahawa membela-kangkan golongan tua bererti mengenehkan satu sumber penting yang kaya dengan pengalaman dan pengetahuan khusus.

"Dengan menimba dari pengalaman merekalah kita akan dapat mengelakkan dari mengulangi kesalahan yang sama. Kita juga dapat mengelakkan perasaan hampa dan pembaziran masa, tenaga serta wang," tambah beliau.

Beliau juga memberi tahu bahawa bilangan

orang tua di negara ini telah bertambah. Walaupun ramai penduduk golongan muda, tetapi kajian yang dijalankan menunjukkan satu aliran baru telah muncul.

Hagi tempoh antara 1957 dan 1970, bilangan orang tua berumur 65 tahun ke atas telah bertambah dengan kadar lebih 0.9 peratus dari kadar pertambahan golongan kanak-kanak berusia 14 tahun ke bawah.

Kadar pertambahan golongan tua ini, menurut beliau, disebabkan oleh beberapa faktor seperti, kurang kelahiran dan kurang kadar kematian di kalangan penduduk secara am.

Hagi tahun 1980 orang tua berumur 60 tahun ke atas berjumlah 734,000 orang. Menjelang tahun 2000 dijangka akan bertambah sebanyak 50.1 peratus daripada jumlah ini.

Pertambahan penduduk tua yang berterusan ini sudah tentu, kata Datin Paduka Aishah lagi, akan mendatangkan perubahan dalam struktur umur penduduk yang agak penting.

Walaupun kini kaum tua menjadi golongan minoriti, tetapi nyata golongan ini telah mencapai peringkat penting dari segi demografi. Dengan demikian mereka patut diberi perhatian wajar.

Datin Paduka Aishah merayu kepada agensi-agensi kerajaan, swasta, pertubuhan-pertubuhan sukarela, pengajian tinggi dan sebagainya berbincang bersungguh-sungguh dan mengikhtikarkan cara

yang lebih berkesan untuk menolong golongan tua dalam menempuh zaman tua tanpa merasakan tersiksa dan menderita.

Nilai-nilai sosial yang telah kita amalkan dan warisi sejak turun temurun perlu dikekalkan, kerana kasih sayang kekeluargaan itu sangat penting untuk menjamin zaman tua yang bahagia.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia